

15/03/1998

KL sedia kaji syor Singapura

Rasid Rahaman

KUALA SELANGOR: Malaysia sedia mengkaji lebih lanjut cadangan Singapura untuk menubuhkan kesatuan ekonomi dengan negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia sentiasa bersikap terbuka terhadap sebarang cadangan, terutama yang boleh membantu negara di rantau ini.

Beliau bagaimanapun berkata, cadangan itu tidak pernah dibincangkan pemimpin kedua-dua negara sebelum ini.

"Ini cadangan mereka dan kita tidak menolak, tetapi kita mahu tahu dengan lebih lanjut lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kuala Selangor di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar dan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor (DUN) Datuk Onn Ismail.

Kelmarin, Menteri Luar Singapura, Prof S Jayakumar berkata Singapura bersedia menimbang cadangan untuk mengadakan kesatuan ekonomi dengan Malaysia.

Perkara itu dinyatakan Prof Jayakumar bagi menjawab saranan anggota pembangkang Singapura, Chiam See Tong, pada persidangan Parlimen republik itu, agar Singapura mengadakan kesatuan ekonomi dengan Malaysia bagi mengurangkan persaingan dan ketengangan di antara kedua-dua jiran itu.

Mengulas lebih lanjut cadangan itu, Perdana Menteri berkata, beliau belum tahu lagi apakah bentuk kesatuan ekonomi yang dicadangkan Singapura.

"Ia mungkin dalam bentuk kesatuan mata wang atau hanya kesatuan ekonomi. Tapi semua ini kita kena kaji sama ada boleh dilaksana atau tidak," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir berkata, pihak luar memang sengaja ingin melihat syarikat milik rakyat Malaysia gagal dan bankrap dengan menjatuhkan nilai ringgit.

"Walaupun mereka menyangkal ada sebarang rancangan untuk melemahkan ekonomi negara, hakikatnya ekonomi kita kini lemah berikutan kejatuhan nilai ringgit.

"Kita berada dalam keadaan serba salah, kalau tolong mereka (syarikat), kita akan dikenakan tindakan, kalau tidak tolong, syarikat kita akan gagal dan bankrap.

"Kalau gagal dan bankrap, maka kerajaan juga tidak dapat kutip hasil mencukupi untuk mentadbir negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, pihak berkenaan mungkin mahu mencari keuntungan menerusi perniagaan mata wang atau menyelamatkan pelaburan mereka di Malaysia dan negara jiran, tetapi hakikatnya tindakan itu merosakkan ekonomi negara yang sedang pesat membangun.

"Kita perlu melawan dan mempertahankan negara kita. Kita perlu berdisiplin mengawal diri dan tidak mengikut nafsu, tidak membuat sesuatu yang merumitkan lagi usaha memulihkan ekonomi negara," katanya.

(END)